

21 MAY 2002

Mahathir-Nikkei/I

BANGUNKAN PERHUBUNGAN SIMBIOTIK DENGAN CHINA, DR MAHATHIR GESA ASIA TENGGARA

Oleh: Siti Hawa Othman

TOKYO, 21 Mei (Bernama) -- Di sebalik bimbangkan terhadap China yang muncul dengan pantas sebagai kuasa ekonomi dan menarik perdagangan dan pelaburan, negara-negara Asia Tenggara boleh mencapai lebih baik dengan membangunkan perhubungan simbiotik dengan republik itu yang menjanjikan kedudukan sama-sama untung bagi semua, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini.

"Kita perlu memahami masalah-masalah yang dihadapkan oleh China dan kita kemudian boleh menyusun satu pendekatan yang akan mengurangkan cabaran dan memaksimumkan peluang," Perdana Menteri memberitahu persidangan antarabangsa di sini.

Di pihaknya, "China pastinya sedar bahawa Asia Tenggara yang makmur dan stabil adalah baik baginya (dan) satu-satunya perkara yang perlu dibimbangkan oleh Asia Tenggara ialah sikap yang mereka ambil menghadapi China."

Beliau memberitahu hadirin yang sebahagian besarnya orang Jepun itu bahawa sekiranya Asia Tenggara cuba menghalang China, maka satu suasana konfrantasi akan berlaku, membazirkan sumber ke atas persediaan bagi pertikaian dan tidak memberi faedah kepada rantau ini.

"Tetapi sekiranya Asia Tenggara menerima hakikat bahawa China wujud, yang ia tidak boleh disingkir, yang ia akan memainkan peranannya dalam pembangunan ekonomi Asia Timur dan dunia sewajarnya, lihat China seperti ia melihat Jepun dan Korea, maka, sebanyak mana Jepun dan Korea telah menyumbang ke arah kemakmuran Asia Tenggara, China juga akan melakukan yang sama," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian di dalam ucpatama bertajuk "China - Satu Cabaran atau peluang bagi ASEAN" pada Persidangan Antarabangsa ke-8 Nikkei yang tumpuannya adalah kepada "Masa Depan Asia - China yang Sedang Muncul dan Rangka Kerja Serantau yang Sedang Berubah."

Dr Mahathir, yang tiba di sini semalam untuk lawatan kerja tiga hari mulai 20 hingga 22 Mei, mengadakan perjumpaan tertutup dengan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi di pejabat rakan sejawatannya di Sori Kantei pagi ini.

Beliau berkata bahawa sungguhpun China akan menghadapkan cabaran kepada negara-negara Asia Tenggara, mereka sebagai sebahagian daripada Perkumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) akan membantu menyelesaikan banyak daripada masalah itu.

Memandangkan China akan menjadi anggota EAEG, cabaran-cabaran yang dihadapkan oleh China yang mungkin merosakkan negara-negara Asia Tenggara boleh dibincangkan pada forum itu dan dikurangkan.

"Apa yang tinggal akan menjadi peluang-peluang bagi Asia Tenggara untuk mendapat manfaat daripada kemakmuran dan kestabilan ekonomi China.

"Oleh itu, China adalah satu cabaran dan juga satu peluang," kata Perdana Menteri.

Berlatarkan senario seumpama itu, Dr Mahathir berkata bahawa kemunculan 7China sebagai kuasa ekonomi tidak harus membimbangkan negara-negara Asia Tenggara lebih daripada seperti di masa lalu.

Negara-negara Asia Tenggara terpaksa belajar menghadapi cabaran dan merebut peluang-peluang itu, kata beliau.

"Setidak-tidaknya, satu imbalan akan dicapai tetapi dengan ketajaman akal, Asia Tenggara akan mendapat manfaat lebih banyak daripada pembukaan pasaran-pasaran China yang kian lebih kaya itu," katanya.

Kata beliau sebuah China yang kaya akan memerlukan agak banyak perkara yang ia tidak boleh keluarkan dengan sendirinya dan bahawa keperluannya bagi setiap perkara adalah besar.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata bahawa minyak sawit Malaysia dan Indonesia seharusnya mencari pasaran tersedia di China dan begitu juga palpa dan kertas, minyak dan gas dan kimia, dan dengan adanya bahan makanan haiwan, memberikan kelebihan persaingan kepada beberapa negara Asia Tenggara.

"China, oleh itu, tidak boleh memiskinkan negara-negara lain sehinggakan mereka tidak boleh membeli produk-produk China.

"Dengan itu, adalah penting bahawa China memastikan survival dan kemakmuran negara-negara yang akan menjadi pasarannya," katanya.

"Dan ini mungkin bermaksud meningkatkan pelaburan China di negara-negara berkenaan dan meningkatkan pembelian bahan-bahan mentah dan komponen-komponen yang dikeluarkan oleh negara-negara itu," kata beliau.

Dengan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) bertindak sebagai rangsangan kepada lebih banyak perdagangan di kalangan Asean, Dr Mahathir berkata Asean juga tidak akan diabaikan oleh China.

"Bekerja bersama-sama, mereka akan dapat menggunakan pasaran tergabung mereka untuk bersaing dengan China," kata beliau.

Bersama-sama, Asean 10 mempunyai hampir separuh daripada penduduk China dan purata per kapitanya adalah setinggi China.

Diberikan tempoh aman dan kestabilan, negara-negara Asean boleh berkembang dan maju menjadi pasaran yang menarik dan terus menjadi lokasi yang baik bagi FDI, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SHO MR OS